



# KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA



## KENYATAAN TENDER

Tender adalah dipelawa daripada Kontraktor-Kontraktor yang berdaftar dengan Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (LPIPM/CIDB) dalam gred, kategori, pengkhususan dan jenis pendaftaran yang berkaitan dan yang masih dibenarkan membuat tawaran buat masa ini bagi kerja berikut :-

NO. / TAJUK TENDER	TARAF / JENIS SYARIKAT *	SYARAT-SYARAT PENDAFTARAN	TEMPAT & TARIKH LAWATAN TAPAK	TEMPAT & TARIKH DOKUMEN DIJUAL	HARGA DOKUMEN & BAYARAN ATAS NAMA	TEMPAT & TARIKH TAWARAN DITUTUP
<b>KP(BPPA-T) Ten.02/2017</b>  CADANGAN KERJA-KERJA PEMBAIKAN HAKISAN DI PANTAI NENASI, PEKAN PAHANG YANG MENJEJASKAN PROSES PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN DI SEKOLAH JENIS KEBANGSAAN (C) KEE WHA, PEKAN, PAHANG DARUL MAKMUR	<b>Bumiputera/ T1</b>	Berdaftar dengan CIDB <b>Gred G3</b>  Dan <b>Kategori CE, Pengkhususan CE21 &amp; CE36</b>  Dan <b>PPK, SPKK Dan STB Yang Masih Sah</b>	SJK(C) Kee Wha Nenasi, Kg Nenasi Pantai, 26680 Pekan Pahang.  <b>Rabu, 06 September 2017 Jam 11.00 Pagi</b>  Taklimat Dan Lawatan Tapak Adalah <b>Diwajibkan</b>	Unit Perolehan dan Pengurusan Aset, Jabatan Pendidikan Pahang, Bandar Indera Mahkota, 25604 Kuantan, Pahang  <b>Rabu, 06 September 2017</b>  Shengga  <b>Rabu, 20 September 2017</b>	<b>RM150.00 (Tidak akan Dikembalikan)</b>  <b>KETUA AKAUNTAN, KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA</b>  Dalam Bentuk <b>Draf Bank atau Kiriman Wang</b> Sahaja  (Bayaran Dalam Bentuk <b>Tunai</b> Atau <b>Wang Pos</b> Tidak Diterima)	<b>Peti Tender,</b> Bahagian Perolehan dan Pengurusan Aset, Kementerian Pendidikan Malaysia, Aras 5, Blok E2, Kompleks E, Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan, 62546 Putrajaya.  <b>Rabu, 27 September 2017</b>  Sebelum atau pada Jam <b>12.00 Tengahari</b>

**BAGI SESI TAKLIMAT TENDER YANG DIWAJIBKAN, HANYA PENAMA YANG TERCATAT DI DALAM SIJIL PPK, ATAU SPKK YANG DIBENARKAN MENGHADIRI LAWATAN TAPAK ATAU SESI TAKLIMAT BERKENAAN. PERWAKILAN KUASA ADALAH TIDAK DIBENARKAN SAMA SEKALI.** Kontraktor yang hadir ke Lawatan Tapak hendaklah membawa bersekali siji-sijil **Asal** dan **SALINAN** (tidak akan dikembalikan), **Perakuan Pendaftaran Kontraktor, Sijil Perolehan Kerja Kerajaan serta Sijil Taraf Bumiputera.**

Dokumen Meja Tender boleh disemak dan dokumen tender boleh diperolehi di pejabat berkenaan semasa waktu pejabat.

Dokumen hanya akan dikeluarkan kepada kontraktor yang hadir ke lawatan tapak sahaja. Dokumen tender akan dikeluarkan kepada wakil sah kontraktor dengan menunjukkan dan mengemukakan **Surat Perwakilan Kuasa.** Untuk maksud ini, wakil kontraktor hendaklah membawa perakuan/sijil **ASAL** Perakuan Pendaftaran Kontraktor dan Sijil Perolehan Kerja Kerajaan yang dikeluarkan oleh Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia serta Sijil Taraf Bumiputera yang dikeluarkan oleh Pusat Khidmat Kontraktor (jika berkenaan) berserta satu salinan siji-sijil tersebut.

Semua kos yang berkaitan dengan Tawaran Kerja di atas adalah tanggungjawab kontraktor. Tawaran yang lewat diterima tidak akan dipertimbangkan sama sekali. KPM tidak terikat menerima tawaran terendah atau sebarang tawaran atau memberi apa-apa sebab tawaran itu ditolak dan juga tidak bertanggungjawab ke atas perbelanjaan dengan tawaran ini.

- \*Jenis Syarikat Tempatan :
- T1 - Syarikat 100% milik tempatan
  - A1 - Syarikat 100% milik tempatan dan syarikat tempatan yang disenaraikan di BSKL yang mempunyai pegangan ekuiti asing tidak melebihi 30% dan Ahli Lembaga Pengarah, pengurusan dan pekerja adalah warganegara.
  - A2 - Syarikat 100% milik tempatan, syarikat tempatan yang disenaraikan di BSKL dan syarikat Usahasama yang diperbadankan di Malaysia yang mempunyai pegangan ekuiti asing tidak melebihi 49% dan majoriti ahli Lembaga Pengarah, pengurusan dan pekerja adalah warganegara.